

No. Sebut Harga: JBPM/PRK/PK/1(2023)

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan:

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
ISUZU TROOPER No. Enjin : 566072 No. Casis : JACUBS25GVK7105876	WHR 9584	1	RM 5,195.00

2. Aset boleh dilihat pada **26 April dan 27 April 2023 (Rabu dan Khamis) jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang** di Bahagian Kejuruteraan Jentera, Balai Bomba dan Penyelamat Ipoh, Jalan Kompleks Sukan, 31400 Ipoh, Perak. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut Tuan boleh menghubungi Encik Ahd Shariffudin Bin Ahd Suhaimi terlebih dahulu di talian telefon: **012-5408607**.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga: **JBPM/PRK/PK/1(2023)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

PENGARAH

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK (u.p: BAHAGIAN PENGURUSAN)**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **10 Mei 2023 (Rabu) pada jam 12.00 tengah hari**. Penghantaran tawaran sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat:

Tarikh:

Cop:

SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Resit Asal bagi deposit sebut harga akan dikeluarkan oleh Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak kepada penyebut harga.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga sendiri.
8. Penyebut harga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari bekerja selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
10. Penyebut harga diminta untuk mengisi dan menghantar Borang Pewujudan/ Kemaskini Data Induk Pelanggan Aset bersama Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28).
12. Bagi penyebut harga yang menyertai tawaran tetapi tidak berjaya, deposit akan dikembalikan setelah keputusan sebut harga diperoleh dan penyebut harga yang berjaya membayar sepenuhnya harga jualan Aset Alih tersebut.
13. Pemulangan deposit hanya akan diberikan kepada penyebut harga yang mengemukakan **Resit Asal** deposit tersebut kepada Unit Kewangan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak.
14. Jika penyebut harga enggan mengambil Aset Alih selepas sebut harganya disetujui terima atau menarik balik sebut harganya sebelum keputusan dibuat, maka deposit sebut harganya tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak melupuskan aset tersebut.

15. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan permohonan taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
16. Penyebut harga yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil Jabatan di Cawangan JPJ.
17. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di laman web <https://www.bomba.gov.my/jbpm-negeri-perak/>.

**PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PERAK
PERSIARAN MERU UTAMA, BANDAR MERU RAYA
30020 IPOH, PERAK**